

Firma Britain tambah pelaburan di Malaysia

Rampasan kuasa di Thailand tak jejas kemasukan modal asing



KEYAKINAN syarikat Britain terhadap Malaysia diperkuatkan lagi dengan janji untuk memperluaskan pelaburan dalam lebih banyak bidang, di sebalik pergolakan terbaru politik di negara jiran, Thailand.

Jaminan itu diberikan tujuh pemimpin syarikat negara ini dalam pertemuan dua jam dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pada majlis jamuan tengah hari di sini, semalam.

Abdullah yang tiba di sini dari New York untuk lawatan kerja dua hari sebelum pulang ke tanah air hari ini, mengambil kesempatan pada pertemuan itu untuk berbincang dan bertukar pendapat termasuk mengenai perbankan Islam, Wilayah Ekonomi Johor Selatan dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Perdana Menteri berkata, pelabur terbabit yang ada kepentingan besar dalam pelbagai perniagaan di Malaysia, turut mengambil berat dan ingin tahu mengenai perkembangan di rantau Asean, termasuk pergolakan terbaru di Thailand berikutan rampasan kuasa tentera, Selasa lalu.

"Saya memberitahu mereka, kita sentiasa meneliti perkembangan di Thailand dan berharap tidak akan ada ketidakstabilan di negara itu kerana ini akan membawa kesan tidak baik kepada ekonomi dan industri pelancongan di rantau Asean.

"Kita mengikuti secara teliti keadaan di negara itu kerana Thailand adalah negara jiran kita," katanya sambil menegaskan Malaysia tidak akan campur tangan dalam hal ehwal domestik negara itu.



CARI PELUANG: Abdullah bersama pemimpin syarikat Britain pada majlis jamuan tengah hari di London, semalam.

FAKTA NOMBOR
Dagangan Malaysia, United Kingdom
RM16.56b
Nilai perdagangan pada 2004
RM1b
Pasaran produk halal Malaysia ke United Kingdom

Pertemuan itu antara lain disertai Pengerusi Metdist Ltd, Lord Bagri, yang mempunyai kepentingan dalam Metrod (M) Berhad serta Pengerusi Matheson & Co Ltd, Henry Keswick yang mempunyai kepentingan besar dalam Guardian Pharmacy, Cold Storage, Giant Supermarket dan Mandarin Oriental Hotel.

Abdullah berkata, beliau juga memberi jaminan pelaksanaan semua projek dalam RMK-9 berjalan baik dan mereka berminat menam-

bah pelaburan dalam bidang baru termasuk bioteknologi, akuakultur dan farmaseutika.

Katanya, masa depan perbankan Islam dan pembangunan Wilayah Ekonomi Johor Selatan turut menarik perhatian pelabur terbabit.

Sebelum pulang ke Kuala Lumpur selepas lawatan kerja hampir dua minggu ke Helsinki, Havana dan New York, Perdana Menteri dijadual mengadakan pertemuan dengan pemimpin pelajar Malaysia di sini.